

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



Profil Siswapreneur UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka

Nor Hidayatun Abdul Razak1, Suhanom Mohd Zaki1, Norhidayah Md Yusof2

1Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Jengka, Pahang.
2Akademi Pengajian Bahasa, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Jengka, Pahang.
Koresponden: norhidayah@uitm.edu.my

Pengenalan

Kemahiran keusahawanan merupakan salah satu kemahiran insaniah yang berguna kepada pelajar di peringkat universiti. Oleh yang demikian, pelajar perlu mempunyai minat yang mendalam dalam bidang keusahawanan untuk memastikan keterlibatan mereka dalam aktiviti keusahawanan secara komprehensif. Dengan penglibatan secara berterusan, ia mampu meningkatkan kemahiran pelajar di universiti kerana tidak semua pelajar mengikuti program pengajian perniagaan dan mempunyai keluarga yang terlibat dengan keusahawanan. Selain itu, penglibatan yang berterusan, akan memberi pendedahan kepada para pelajar tentang cabaran dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam perniagaan. Antara cabaran yang perlu dihadapi termasuk dari sudut pengurusan masa, rekod kewangan, dokumentasi, operasi dan strategi pemasaran. Justeru itu, langkah proaktif perlu diambil untuk menarik minat dan penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan. Bagi pihak MASMED, pelajar yang terlibat secara serius perlu diberikan penghargaan melalui pemberian geran dan insentif untuk memudahkan perjalanan aktiviti keusahawanan yang dijalankan. Geran yang diberikan boleh menjadi modal untuk memulakan perniagaan dan seterusnya menjadi modal pusingan perniagaan. Kemahiran tambahan dalam bidang keusahawanan memainkan peranan penting dalam memastikan para graduan menjadi kreatif dan boleh menjana pendapatan peribadi melalui keusahawanan sekiranya tidak mendapat pekerjaan kelak. Oleh yang demikian, minat terhadap keusahawanan itu perlu dipupuk dan disertai dengan kesungguhan pelajar untuk menyertainya. Bagi pelajar yang benar-benar berminat, mereka mampu berdikari dan bijak memanfaatkan peluang-peluang keusahawanan yang ditawarkan oleh pihak universiti.

Profil Siswapreneur UiTM Cawangan Pahang

Bagi melatih pelajar dalam bidang keusahawanan, pihak MASMED UiTM Cawangan Pahang telah mewujudkan perniagaan bergerak, KOSISWA Smart Station Entrepreneurship yang menjual minuman dan makanan di gelanggang sukan berhadapan dengan Kolej Tun Teja, Kampus Jengka. Projek ini melibatkan tiga orang mentor iaitu Dr. Nor Hidayatun Abdul Razak, Puan Suhanom Mohd Zaki dan Cik Norhidayah Md Yusof dan juga 8 orang pelajar KOSISWA yang diketuai oleh tiga tunjang utama siswapreneur iaitu Muhammad Fadhil Zulhili Alifan, Norazimah Muhammad Rizuan dan Faris Ikmal Azlin. Penglibatan pelajar dalam projek jualan KOSISWA di gelanggang sukan turut menarik minat beberapa orang pelajar lain untuk turut serta dalam aktiviti jualan. Muhammad Fadhil yang merupakan ketua projek memainkan peranan penting dalam proses membeli barangan jualan dan pelaporan jualan. Manakala Azimah bertanggungjawab dalam urusan penyediaan laporan kewangan dan Faris membantu Fadhil dalam urusan penghantaran barangan jualan dan bertugas di stesyen jualan gelanggang sukan.

Pencapaian

Ketiga-tiga pelajar ini telah diberikan geran sebanyak RM700 dan mereka perlu menggunakan geran tersebut untuk menjalankan perniagaan. Hasil jualan digunakan untuk membayar upah pelajar-pelajar KOSISWA yang terlibat dan juga dijadikan modal pusingan pembelian stok barangan. Pelajar-pelajar ini telah menunjukkan pencapaian yang amat membanggakan kerana dengan geran tersebut, pelajar-pelajar ini berjaya membayar upah petugas dan membeli stok barangan jualan. Pelajar-pelajar turut menjalankan aktiviti *fundraising* bagi membeli peralatan yang diperlukan untuk memudahkan urusan pengurusan perniagaan. Hasil *fundraising* yang dijalankan dalam tempoh dua bulan setengah telah digunakan untuk membeli peti sejuk beku mini bagi tujuan penghasilan ais dan simpanan barangan sejuk beku. Memandangkan dua tunjang utama telah pun tamat pengajian di peringkat Diploma pada Februari 2022, kini Muhammad Fadhil bertanggungjawab untuk membimbing generasi pelapis siswapreneur bagi meneruskan legasi keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar KOSISWA UiTM Cawangan Pahang.

Rujukan

[1] MASMED UiTM Cawangan Pahang (2022)



**Muhammad Fadhil
Zulhili Alifan**
Fakulti Sains Gunaan
Pengurus Utama
Semester 4



**Norazimah
Muhammad Rizuan**
Fakulti
Perakaunan
Pengurus
Kewangan
(Tamat Pengajian)



Faris Ikmal Azlin
Fakulti Sains
Gunaan
Pengurus Operasi
(Tamat Pengajian)

